

Mahathir PM ke 4 4 akhbar Indonesia sambut baik

JAKARTA, Isnin — Empat buah akhbar Indonesia hari ini menyambut baik perantikan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat.

Akhbar-akhbar itu, "Merdeka", "Angkatan Bersenjata", "Pelita" dan "The Indonesia Times" dalam ulasan masing-masing telah mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Dr. Mahathir ke atas perantikannya itu.

"Merdeka" mensifatkan beliau sebagai seorang negarawan yang tulin yang telah diamanahkan dengan tanggungjawab yang berat dan penuh cabaran di masa depan.

"Angkatan Bersenjata" akhbar yang dikong penuh oleh angkatan tentera pula berkata, Tun Hussein telah menyediakan Datuk Seri Dr. Mahathir semenjak beliau mula memegang jawatan Perdana Menteri dalam tahun 1976. Dalam bulan Mei tahun ini pertukaran pemimpin itu berjalan dengan licin dan tanpa halangan.

Tahniah

Akhbar itu mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri baru itu dan yakin beliau akan berjaya untuk menyelesaikan semua masalah yang di hadapi.

"Pelita" sebuah akhbar Islam berkata, perantikan beliau mempunyai makna besar terhadap penerusan UMNO, Kerajaan dan masa depan Malaysia.

Akhbar itu berharap Datuk Seri Dr. Mahathir akan meneruskan dasar pemimpin-pemimpin yang terdahulu daripada beliau Allahyarham Tun Razak dan Tun Hussein terhadap kerjasama dengan Indonesia bagi memperkukuhkan ekonomi, sosial, kebudayaan, politik dan keselamatan.

Katanya, kejayaan Malaysia di bawah pimpinan beliau juga akan membantu memperkukuhkan perpaduan dan ketahanan Asean.

"Indonesian Times" berkata, pertukaran pimpinan itu telah dilakukan secara licin dan senyap.

Akhbar itu berkata, perkara ini akan menjamin pembangunan yang berterusan di Malaysia.

Harian itu berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir dikenali oleh pemimpin-pemimpin Indonesia dan yakin di bawah pimpinannya kerjasama dan perhubungan di antara kedua-dua negara dan dengan Asean akan terus diperkukuhkan. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia